

14/09/2003

Semua hospital dilengkapi mesin dialisis

KUALA LUMPUR: Mesin dialisis bagi merawat sakit buah pinggang akan ditempatkan di semua hospital seluruh negara ekoran Bajet 2004 yang dibentangkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Suleiman Mohamed, berkata Kementerian akan berusaha menyediakan unit dialisis itu bagi memudahkan pesakit mendapat rawatan yang cepat dan berkualiti.

"Apabila kita dapat menyediakan kemudahan ini, pesakit tidak lagi perlu datang dari jauh kerana boleh mendapatkan rawatan di hospital berhampiran dengan tempat mereka," katanya pada sidang media selepas melancarkan logo dan laman web Fiesta Ada Gaya: Gaya Hidup Prihatin di Mandarin Oriental Hotel, semalam.

Beliau berkata, Bajet 2004 yang dibentangkan kelmarin amat baik lebih-lebih lagi ia memberi penekanan terhadap kebajikan rakyat dan peruntukan RM9 bilion dapat digunakan bagi pelaksanaan pengurusan dan pembangunan Kementerian itu dengan lebih berkesan.

Sementara itu, dalam ucapannya pada majlis pelancaran logo dan laman web anjuran Pergerakan Puteri UMNO bahagian Titiwangsa Wilayah Persekutuan, menyeru badan bukan kerajaan (NGO) dan orang ramai tampil menghulur bantuan bagi mengisi dana untuk pembiayaan program perlindungan kanak-kanak.

Pengerusi program Fiesta Ada Gaya, Marzaini Zainuddin, berkata program itu akan bermula 3 hingga 5 Oktober bagi mengumpul dan menyumbang dana untuk memperlengkapkan prasarana dan kemudahan di Pusat Perlindungan Sementara Kanak-Kanak di Jalan Parlimen.

"Selain itu, program ini adalah untuk membuka minda masyarakat dalam mengamalkan gaya hidup sihat, berpersepsi positif dalam kehidupan dan menangani pelbagai tekanan dan sindrom psikologi," katanya.

Marzaini berkata, program itu turut memberi sokongan kepada program perlindungan kanak-kanak yang terdedah kepada pelbagai jenayah seperti rogol, penderaan, jenayah seksual dan penculikan.

Pelbagai aktiviti yang akan dijalankan sempena program itu iaitu bazar kebajikan, lelongan kebajikan dan sumbangan barangan yang akan diadakan di Ampang Park, dan majlis makan malam di Mandarin Oriental Hotel.